3

Lembaga Hasil Dalam Negeri
Malaysia

LHDNM/R03/14



# PENDAPATAN PERNIAGAAN INDIVIDU

TAHUN TAKSIRAN 2013



# PENDAPATAN PERNIAGAAN INDIVIDU TAHUN TAKSIRAN 2013 2014

/Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri /LHDNM 1-800-88-5436(LHDN)

Sumber pendapatan perniagaan adalah daripada:
#Milikan Tunggal #Perkongsian
Contoh:

- Perniagaan runcit
- Perniagaan gerai
- Perniagaan jualan langsung
- Pertanian dan penternakan
- Perniagaan melalui internet
- Bidang penulisan dan lakonan
- Klinik, firma guaman atau lain-lain perkhidmatan profesional

## Tanggungjawab Peniaga

- Peniaga Tunggal/Ahli Kongsi:
  - Isi dan kemukakan Borang B (e-B) melalui **e-Filing**
- Ahli Kongsi:
  - Isi Borang P (e-P) dan CP30 (tanggungjawab Ahli Kongsi Utama)
  - Hantar Borang P (e-P) tanpa akaun perkongsian
  - Maklumkan secara bertulis sekiranya perkongsian tamat/ditukar kepada perniagaan milikan tunggal/syarikat sendirian berhad
- Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama 7 tahun
- Dapatkan khidmat ejen cukai berlesen untuk menyediakan akaun perniagaan
- Patuhi arahan Notis Bayaran Ansuran (CP 500)

**Perhatian**

- Tarikh akhir menghantar Borang B, P dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 Jun setiap tahun**
- Rujuk penyata akaun, dokumen sokongan, penyata lain-lain pendapatan dan resit-resit tuntutan
- Sila pastikan kod perniagaan diisi dengan betul dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)
- BNCP perlu dihantar walaupun akaun mengalami kerugian

## Elaun Modal

Potongan elaun modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan

## Bayaran Ansuran Individu

- 6 ansuran dikeluarkan oleh LHDNM
- Bayaran mulai Mac
- Bayar setiap ansuran dalam masa 30 hari
- Mohon pindaan sebelum 30 Jun

## Perbelanjaan Perniagaan

| Dibenarkan | Tidak Dibenarkan |
|---|---|
| Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan<br><br>Contoh:<br>⇨ Upah/gaji<br>⇨ KWSP/PERKESO pekerja<br>⇨ Insuran perniagaan (kecurian/kebakaran)<br>⇨ Sewa premis perniagaan<br>⇨ Faedah atas pinjaman perniagaan | Perbelanjaan domestik dan persendirian<br><br>Contoh:<br>⇨ Bil elektrik dan bil air rumah kediaman<br><br>Perbelanjaan beli aset peribadi<br><br>Contoh:<br>⇨ Kereta<br>⇨ Rumah<br>⇨ Perabot |

## Jenis dan Kadar Elaun Modal

| Jenis Elaun | Jenis Aset | Kadar (%) |
|---|---|---|
| Elaun Permulaan | Semua jenis aset | 20 |
| Elaun Tahunan | Kenderaan bermotor, jentera berat | 20 |
| | Loji dan jentera | 14 |
| | Peralatan pejabat, perabot dan lengkapan | 10 |
| | Komputer | 40 |

*Penafian*
*Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.*